

Ruj.Kami : JANM.PRK.600-1/1/1 (40)  
Tarikh : 26 Jun 2026

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

**PEMAKLUMAN PERKESO: AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2026: SKIM KEMALANGAN BUKAN BENCANA KERJA (SKBBK) "LINDUNG 24 JAM"**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Merujuk kepada arahan daripada Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) melalui ruj. email BPOPP/SPO (Emel)/2026 (149) bertarikh 26 Jun 2026 dan surat PERKESO rujukan PERKESO.600-2/2/2 Jld(12) bertarikh 12 Jun 2026 adalah berkaitan.

3. Dimaklumkan bahawa, Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) telah melancarkan Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SBBK) atau juga dikenali sebagai "LINDUNG 24 JAM" berkuatkuasa mulai 1 Jun 2026. Kadar caruman bagi skim ini ditanggung sepenuhnya oleh pekerja. Pelaksanaan kadar caruman tersebut dibuat secara tiga fasa melalui pemberitahuan Warta Kerajaan Persekutuan P.U (B) 196/2026 iaitu Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa seperti jadual di bawah:

<b>Skim</b>	<b>Caruman Majikan</b>	<b>Caruman Pekerja</b>
Skim Bencana Kerja	1.25%	-
Skim LINDUNG 24 Jam / SKBBK	-	<ul style="list-style-type: none"><li>• Fasa 1 : 0.75% (01.06.2026 - 31.05.2028)</li><li>• Fasa 2 : 1.00% (01.06.2028 - 31.05.2031)</li><li>• Fasa 3 : 1.25% (01.06.2031 - 31.12.9999)</li></ul>
Skim Keilatan	0.50%	0.50%

4. Sehubungan dengan itu, pihak JANM ibu pejabat telah selesai membuat penambahbaikan Fasa 1 bagi pengiraan kadar baharu termasuk SKBBK Lindung 24 Jam ke dalam sistem HCM iGFMAS pada 18 Jun 2026. Oleh kerana pelaksanaan SKBBK Lindung 24 Jam ini berkuat kuasa pada 1 Jun 2026, pembayaran gaji bulan Jun 2026 masih menggunakan kadar lama tanpa pengiraan kadar SKBBK Lindung 24 JAM.

5. Oleh yang demikian, terdapat tunggakan kadar caruman PERKESO bulan Jun 2026 bagi pegawai yang terlibat dengan potongan tersebut. Justeru itu, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan adalah diminta untuk menggunakan kod potongan **4024 – Lain-lain Potongan** bagi pembayaran tunggakan potongan bulan Jun 2026. YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan juga perlu memastikan **akaun penyelesaian L1311938 yang tag kepada kod potongan 4024 ini berbaki sifar** dalam melaksanakan pembayaran kepada pihak PERKESO. Pembayaran tunggakan potongan bulan Jun 2026 kepada pegawai terlibat ini perlu diselesaikan **sebelum 24 Julai 2026**.

6. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan juga, penambahbaikan SKBBK Lindung 24 Jam di dalam sistem HCM iGFMAS sedang dikemaskini melalui tiga fasa seperti di bawah:

<b>Fasa</b>	<b>Penambahbaikan</b>	<b>Jangkaan Selesai</b>
Fasa 2	Penambahbaikan Laporan Caruman Bulanan SOCSO/EIS (SOCSO 8A) untuk memasukkan caruman SKBBK.	Akhir bulan Jun 2026
Fasa 3	Penambahbaikan Laporan Pelarasan & Kemas Kini Caruman SOCSO/EIS (PERKESO 8B) untuk memasukkan caruman SKBBK.	Julai 2026
Fasa 4	Penambahbaikan Laporan Pelarasan & Kemas Kini Caruman SOCSO/EIS (PKS(K)50A) untuk memasukkan SKBBK.  <i>* Penghantaran yang dirancang: Penghantaran Fasa 4 disasarkan pada Ogos 2026, tertakluk kepada penjelasan lanjut.</i>	Ogos 2026

7. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan dalam memastikan pelaksanaan potongan kepada PERKESO bagi skim SKBBK Lindung 24 Jam seperti mana Akta PERKESO amat dihargai. Bersama-sama ini dilampirkan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2026: Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) "Lindung 24 Jam" untuk rujukan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI**

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**NEGERI PERAK**